

PM: Kebanyakan kes rasuah orang kenamaan sudah didakwa

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 14 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, sebahagian besar kes rasuah yang melibatkan orang kenamaan telah didakwa di mahkamah.

Beliau berkata, kes-kes tersebut ialah kes bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia yang dituduh di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen pada 10 Februari lepas dan bekas Menteri Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam di bawah

Seksyen 2 (1) dan Seksyen 417 Kanun Keseksaan.

"Kes-kes lain ialah bekas Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Shariff Jajang; bekas Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Datuk Azman Mahalan; Mohamad Apandi Mohamad (bekas Ahli Parlimen Jeli) dan Ramli Ibrahim (bekas Ahli Parlimen Kota Bharu).

"Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia, Ramli Mukhtar; bekas Ketua Pegawai Eksekutif Telekom, Datuk Ibrahim Mohd. Noor; Ahmad Zukni dari PUNB mengenai pengeluaran

bon bernilai RM3.8 bilion; bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Annuar Md Noor dan bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Baharudin Ahmad," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Ketua Pembangkang, **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** yang ingin tahu perkembangan 18 kes profil tinggi yang dihantar oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada

Jabatan Peguam Negara. Sementara itu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas dalam sidang akhbar di Parlimen memberitahu, 18 kes profil tinggi yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri itu merujuk kepada 18 sektor bukan 18 individu.

Mengenai kes bekas Menteri Pengangkutan, Tun Ling Liong Sik, beliau berkata, satu kes disiasat dan dihantar ke Pejabat Peguam Negara yang mendapati ia tiada asas untuk didakwa manakala satu lagi selesai disiasat tetapi belum diserahkan ke Jabatan Peguam Negara.